

Bernama Malay

KELINGTON SASAR PELUANG DI LUAR MALAYSIA

2012-06-25 07:57:01.295 GMT

KUALA LUMPUR, 25 Jun (Bernama) -- Kelington Group Bhd akan mengintai peluang di luar Malaysia untuk mengekalkan pertumbuhan dua angkanya, kata Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutifnya Raymond Gan.

"Malaysia masih bahagian kekuatan kami. Ia akan menyediakan pertumbuhan perlahan dan stabil, tetapi bagi mencatatkan pertumbuhan dua angka, kami perlu meneroka peluang di luar," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat agung tahunan (AGM) syarikat, di sini, hari ini.

"Kami berpuas hati dengan pasaran tempatan sekarang tetapi digabung dengan sumber luar negara kami, kami berharap kami dapat mencapai pertumbuhan lebih baik," katanya.

Kelington adalah pakar dalam reka bentuk dan pemasangan sistem penghantaran bagi gas dan bahan kimia ketulenan tinggi (UHP). Ia sedang memulakan strategi penyepaduan horizontal bagi mengembangkan skop perkhidmatannya dan akan menimbang pembelian strategik apabila terdapat peluang.

Awal tahun ini, kumpulan itu membeli Puritec Technologies (S) Pte Ltd yang berpangkalan di Singapura, syarikat mengkhususkan dalam reka bentuk dan pemasangan sistem penghantaran bagi ekzos, yang merupakan bahan sisa buangan yang dihasilkan oleh pengeluar teknologi tinggi semasa proses pengeluaran.

Gan berkata: "Kami sangat memilih dalam pembelian yang kami rancang, dan melakukannya lebih-lebih lagi bagi menambah portfolio perkhidmatan yang melengkapkan perniagaan teras kami dan meningkatkan nilai yang kami sediakan kepada pelanggan kami.

"Contohnya adalah pembelian Puritec, yang membolehkan kami memanfaatkan kepakaran kejuruteraan kami bagi memanfaatkan segmen pasaran baharu.

"Ini membawakan syarikat melangkah setapak lagi kepada matlamat kami menjadi satu daripada penyedia penyelesaian sistem penghantaran bersepadu di rantau ini," katanya.

Kelington berjaya mengembangkan operasinya di peringkat serantau seperti di China, Taiwan dan Singapura.

Bagi tempoh beberapa tahun akan datang, ia menyasar mengembangkan kecekapannya dengan memasukkan reka bentuk dan pemasangan sistem penghantaran bagi air dan hampagas bersih.

Ketika ini, Kelington merupakan penyedia utama sistem penghantaran gas dan kimia UHP utama bagi industri besar iaitu fabrikasi wafer, pembuatan paparan panel rata, tenaga solar, diod pemancar cahaya dan media storan. Arus pendapatannya diimbangi dalam pelbagai industri ia beroperasi.

Sementara itu, pada mesyuarat tersebut, pemegang saham meluluskan dividen pengecualian cukai akhir 4.0 sen, mewakili 36 peratus daripada pendapatan bersih 2011 dan terbitan bonus satu bagi satu.

Dividen dibayar pada 8 Ogos, 2012 manakala lepas tarikh bagi terbitan bonus akan ditentukan kemudiannya.

-- BERNAMA